

Yayasan Warisan Melayu sumbang \$15,000 iktiraf pelajar cemerlang pengajian Melayu NUS



Penerima pertama hadiah itu tahun ini ialah Cik Nur'Izzah Mohamad Afandi, 23 tahun.

13 Jul 2015

YAYASAN Warisan Melayu (MHF) menyumbang \$15,000 kepada Universiti Nasional Singapura (NUS) untuk mengiktiraf pelajar cemerlang dalam pengajian Melayu.

Sumbangan itu akan digunakan untuk menaja anugerah baru, Hadiah MHF, bernilai \$1,000 setiap satu yang akan diberikan setiap tahun.

Anugerah itu akan diberikan kepada pelajar kepujian terbaik daripada Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Kesusasteraan dan Sains Sosial.

Penerima pertama hadiah itu tahun ini ialah Cik Nur'Izzah Mohamad Afandi, 23 tahun, yang menerima hadiah itu di majlis penyampaian ijazah di NUS hari ini, Isnin.

Anugerah itu bertujuan merangsang lebih banyak pengajian mengenai sejarah sosiobudaya orang Melayu di Singapura.

Pada jangka panjang, matlamatnya adalah untuk menghasilkan lebih ramai pakar sejarah dan warisan dalam masyarakat.